

01/11/1997

Rahsia kejayaan wanita Kelantan

Rosliza Mohamed

IMEJ wanita Melayu Kelantan sebagai golongan peniaga dan usahawan memang sudah dikenali umum. Pembabitannya meliputi pelbagai jenis perniagaan sama ada kecil atau sederhana seperti jualan runcit, pakaian, kedai emas serta makanan.

Malah tidak kurang juga ada yang berjaya mencapai kejayaan ke tahap lebih cemerlang membabitkan rangkaian perniagaan bertaraf korporat, tetapi jelas sekali budaya niaga wanita Melayu Kelantan cukup menyerlah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri dalam lawatannya ke Kelantan tidak lama dahulu mengakui wanita negeri ini begitu hebat dan berjaya dalam bidang perniagaan.

Namun, tidak ramai yang mungkin mengetahui rahsia dan resipi di sebalik kejayaan wanita Kelantan dalam bidang perniagaan itu.

Tinjauan Berita Harian ke Pasar Besar Siti Khadijah, Jalan Pintu Pong, dekat sini, mendapati ada pelbagai faktor mendorong wanita Kelantan bergiat cergas dan menyeluruh dalam bidang perniagaan.

Antaranya, termasuk mewarisi perniagaan keluarga; minat dan kesediaan untuk berdikari kerana tidak mahu menyusahkan orang lain sekali gus memantapkan kedudukan ekonomi keluarga.

Seorang peniaga, Zuraidah Ibrahim, 25, ketika ditemui berkata, beliau menjalankan perniagaan itu sejak lebih 10 tahun lalu kerana mengikut jejak langkah keluarganya yang aktif dalam bidang perniagaan.

Beliau yang berasal dari Kedai Buluh, dekat sini, berkata keluarganya banyak mendorong terus maju dalam bidang perniagaan walaupun hanya menjual makanan.

Zuraidah bagaimanapun sentiasa beringat untuk bekalan hari tua dengan menyimpan wang dalam skim Amanah Saham Nasional (ASN).

Ketika ditanya sama ada benar anggapan sesetengah pihak kononnya kegigihan wanita Kelantan mencari nafkah menyebabkan lelaki bersikap malas dan bergantung kepada pendapatan isteri, beliau menyangkal pandangan itu.

"Bahkan suami saya sentiasa memberi galakan kepada isteri termasuk membantu suami mengendalikan perniagaan pada hari cuti," katanya.

Bagi Hasnah Jusoh, 39, yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan menjual keropok berkata, perniagaan yang dijalankan itu bertujuan mengisi masa lapang dan sikap ingin berdikari.

"Walaupun suami tidak bersama-sama dalam bidang perniagaan, ia tidak menjadi masalah kerana dari sini kita tahu betapa sukarnya mencari wang," katanya.

Katanya, wanita Kelantan memang secara semulajadinya berminat untuk menceburi bidang perniagaan.

Hasnah berkata, suaminya, Hashim Mohamad, 38, adalah sumber inspirasi beliau untuk maju dalam bidang perniagaan.

Siti Mariam Yusof, 41, dari Kampung Paya Bemban, Jalan Hospital, dekat sini, menegaskan dia menjalankan perniagaan kerana minat.

Beliau berniaga kain batik sejak 15 tahun lalu, sebaik sahaja Pasar Besar Siti Khadijah (ketika itu Pasar Buluh Kubu) dibuka pada 1985.

Menurutnya, dia menjalankan kerja itu secara sukarela sekali gus membantu usaha suaminya membuat kain batik. Bagaimanapun dia tidak menafikan ada sesetengah suami sahaja yang mengharapkan bantuan isteri.

"Saya akan meneruskan perniagaan ini dan menyerahkannya kepada ahli keluarga yang lain bila sampai waktu sesuai berbuat demikian. Buat masa sekarang anak saya masih belajar," katanya.

Bagi peniaga bedak sejuk, Rukiah Ibrahim, 34, dari Kutan, Pasir Mas, dia memulakan perniagaan sejak berusia 17 tahun bersama emaknya, Kalsum Salleh, 60.

"Disebabkan sikap ingin berdikari, saya mengambil keputusan berniaga sendiri manakala ibu saya menjual sayur-sayuran," katanya.

Sementara itu, seorang tokoh ushawan wanita yang menerima anugerah, Mariah Ismail, 45, berpendapat wanita Kelantan minat berniaga kerana ingin sama-sama menyumbang mamajukan bidang ekonomi.

Jika ekonomi teguh, ia membantu menstabilkan ekonomi rumah tangga, termasuk membiayai pelajaran anak-anak.

Antara anugerah pernah dimenangi oleh Mariah ialah Pengurus Emas pada Ogos 1995, Februari 1997, Pengarah Intan dan pada Ogos 1995 anugerah Pengarah Delima, hasil penjualan Nona Roguy.

Mariah berkata, beliau memulakan perniagaan itu pada 1992 dan sehingga kini berjaya mencapai tahap jualan Nona Roguy tertinggi di Malaysia.

Beliau bercita-cita untuk muncul sebagai jutawan di samping membantu wanita dalam bidang persolekan.

(END)